

# Majikan gaji enam pendatang asing tanpa pas sah didenda RM60,000

**SIBU:** Seorang majikan berusia 51 tahun didenda RM60,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah menggaji enam pendatang asing yang tidak memiliki sebarang pas yang sah mengikut Akta Imigresen 1959.

Majikan terbabit yang hanya dikenali sebagai Lau didakwa mengikut Seksyen 55B(1) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang memperuntukkan

hukuman denda minimum RM10,000 dan maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 12 bulan atau keduanya sekali bagi setiap pekerja.

Hakim Mahkamah Sesyen Marutin Pagan menjatuhkan hukuman denda RM10,000 kepada tertuduh atau penjara sebulan bagi setiap pekerja.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam, bagaimanapun dibenarkan bebas setelah membayar

denda tersebut.

Pendatang terbabit berumur antara 20 hingga 48 tahun yang terdiri daripada dua warga Indonesia, tiga warga India dan seorang Pakistan.

Tertuduh didapati melakukan kesalahan itu pada 24 Ogos 2023, kira-kira jam 11.50 pagi di Lorong Ding Lik Kong.

Pendakwaan kes itu dijalankan oleh Pegawai Pendakwaan Pejabat Imigresen Sibu Ghaiazri Mohamad Ali.